

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	22 August 2015

GTF DAN KEALPAAN NARATIF MELAYU



SAYA tertarik dengan sentimen pengajuran George Town Festival (GTF) yang telah bermula sejak tahun 2010. Tahun ini festival ini diadakan dari 1 hingga 31 Ogos.

Sebuah makalah dalam surat-khabar tempatan baru-baru ini mengenai masyarakat Serani di Pulau Pinang telah menarik perhatian saya. Makalah itu menyebut masyarakat Serani Pulau Pinang sebagai salah sebuah masyarakat pengasas di pulau itu.

Ini adalah sempena tajuk buku tulisan Eustace Nonis yang berjudul *The Eurasians: A Founding Community of Penang*.

Menurut makalah itu, masyarakat Serani dijemput oleh Francis Light "untuk membantu pentadbiran British bekerja dengan pelbagai masyarakat tempatan untuk membina penempatan baru". Dengan itu dikatakan bahawa pengawajahan masyarakat Serani adalah penting dalam paparan acara warisan George Town Festival kerana status mereka sebagai "masyarakat pengasas" Pulau Pinang.

Saya perhatikan program dan acara yang disenaraikan untuk festival tahun ini, dan sejak dimulakan, memuatkan paparan pengkaji sejarah dan warisan beberapa masyarakat etnik seperti kaum Peranakan, Hokkien dan India Muslim. Justeru, tempat dan naratif mereka dalam landskap warisan dan sejarah Pulau Pinang terus dikemukakan dan diraikan.

Saya tidak ada masalah dengan naratif dan representasi masyarakat dan kumpulan etnik lain dalam anjuran GTF. Namun pihak GTF telah lupa akan masyarakat pengasas yang terawal, pernah bermastautin di Tanjong dan kawasan sekitarnya sebelum 1786. Dalam hal ini adalah penting untuk ingat dan mengenang bahawa sejarah Pulau Pinang tidak bermula dari tahun 1786.

Memori dan pengalaman kolektif Melayu di Pulau Pinang menjangkau sebelum 1786. Sekali lagi ditekankan bahawa apabila Francis Light tiba, orang Melayu telah wujud di Pulau Pinang. Peneroka Melayu awal itu telah pun hidup bermasyarakat. Peraturan dan undang-undang tertakluk kepada Undang-Undang Kanun Kedah.

Tanjong, dan terutama sekali Batu Uban, adalah sebuah penempatan, pekan dan perubahan sebelum tibanya Francis Light. Salah

seorang pengarah filem dokumentari yang baru-baru ini membincangkan sejarah pulau itu dengan saya mengenai persoalan: "Adakah Francis Light berseorangan di Pulau Pinang pada masa itu?"

Catatan Light banyak menyebut bahawa beliau mempunyai ramai kawan Minangkabau. Dan juga ramai pembantu keturunan Batak.

Pihak pengajur GTF tidak boleh terus mengetepikan kosmopolitanisme Pulau Pinang prazaman kolonial. Tokoh-tokoh seperti Nakhoda nan Intan (Haji Muhammad Salleh), Dato' Jenaton dan Nakhoda Kechil (Islam) adalah hakikat.

Status Light juga sebagai nakhoda yang mengetahui kapal dagang dimiliki oleh firma Jourdain, Sullivan and de Souza bertempat di Madras. Beliau tidak pernah menjadi pekerja Syarikat Ingeris Hindia Timur (SIHT). Terdahulu beliau bekerja buat seketika sebagai *midshipman* dengan tentera laut.

Kita tidak menentang keranian masyarakat Serani. Kita juga tidak ada masalah dengan naratif masyarakat Serani yang menyatakan ke Pulau Pinang. Namun begitu, pihak pengajur GTF telah sekian lama lupa masyarakat pengasas awal - masyarakat yang memberi nama kepada pelbagai tempat di Pulau Pinang lama sebelum Light menyatakan hasratnya menakluki Pulau Pinang dari Ujung Salam (Phuket) pada tahun 1771.

Jika dinyatakan dalam buku program GTF oleh pengarah festival Joe Sidek bahawa GTF bertujuan "mengkembalikan tradisi dan budaya unik Pulau Pinang dan Malaysia untuk generasi masa depan" maka sejarah dan warisan Pulau Pinang jangan dikhianati. Fakta ini mesti diceritakan dan diwajahkan dengan sempurna.

Peneroka awal Melayu telah membentuk masyarakat di Pulau Pinang berdekad-dekad sebelum 1786. Mereka telah berada di Tanjong. Hakikatnya tahun 1734 dan



PIHAK pengajur George Town Festival (GTF) tidak harus lupa akan kaum Melayu yang menjadi masyarakat pengasas terawal di Pulau Pinang dan telah memberi nama kepada pelbagai tempat di negeri itu sebelum kedatangan Francis Light.

1749 mempunyai kepentingan kepada sejarah Pulau Pinang. Sama seperti Light bagi tahun 1786, tahun-tahun tersebut dikaitkan dengan sejarah dan salasilah peneroka Melayu awal tersebut. Mereka mempunyai ribuan keturunan yang membentuk masyarakat Melayu di Malaysia, antaranya ada yang menyumbang kepada sejarah dan pembangunan beberapa institusi di Malaysia dan rantau ini.

Sudah tentu tahun 1734 dan 1749 dirakam dalam memori dan pengalaman cerita Melayu Pulau Pinang - ketibaan dan pembinaan Masjid Jamek Batu Uban oleh Nakhoda nan Intan dan ketibaan Dato' Jenaton bersama 180 pengikut.

Aneh sekali jika naratif Pulau Pinang mengiktiraf Light dan tidak mengiktiraf mereka yang wujud sebelum beliau. Jika Light menjalin hubungan dengan kedua-dua Sultan Kedah pada masa itu, peneroka awal Melayu juga berbuat demikian. Mereka membantu Sultan Kedah dalam mempertahankan Kedah. Light mengkhianati janjinya kepada Sultan.

Pihak pengajur perlu merujuk kepada penulis-penulis mengenai sejarah Pulau Pinang, antaranya oleh Prof. Salleh Yaapar, Prof. Muhammad Haji Salleh, Prof. Suhaimi Abdul Aziz, Datin Dr. Mahani Musa dan Dr. Badriyah Salleh. Juga beberapa penulis Datuk Wan Shamsudin Mohd. Yusof. Presiden Persatuan Sejarah Malaysia (Cawangan Kedah).

Dan ada baiknya dirujuk buku *Mencari Bako* (1983) oleh Abdul Aziz Ishak (keturunan generasi ke lima Dato' Jenaton) dan buku saya yang terkini mengenai sejarah Melayu awal Pulau Pinang bertajuk *Batu Uban: Sejarah Awal Pulau Pinang* (Dewan Bahasa dan Pustaka, 2015).

Dengan pelbagai penulisan dan catatan (juga terdapat dalam catatan kolonial) apakah pihak berpengaruh ini masih jahil? Mungkin kejahilan ini disengajakan oleh GTF yang tergolong dalam golongan masyarakat yang berpengaruh di Pulau Pinang.

Nilai kosmopolitanisme bukan hanya satu fenomena Eropah dan Barat. Para peneroka Melayu awal yang bermastautin di Pulau Pinang sebelum 1786 adalah kosmopolitan dalam pandangan alam mereka. Mereka manusia moden, yang berlayar merentasi sepanjang Selat Melaka. Dan merekalah masyarakat pengasas Pulau Pinang.

Keturunan mereka bukan hanya bertumpu di kawasan seperti Jelutong, Gelugor, Batu Uban, tetapi hingga ke Kedah dan Perak, Lembah Klang dan seluruh Malaysia serta beberapa wilayah di Asia Tenggara. Hakikat ni sama seperti tertebarnya sesebuah keluarga Melayu dari sekitar kepulauan Melayu yang dicituskan oleh faktor-faktor politik, ekonomi, dan kekeluargaan. Ini memberi dimensi yang baru kepada konsep perantaraan.

Tidak kurang juga mereka telah membentuk dan menerajui kehidupan intelektual dan politik dalam sejarah Malaysia, termasuk mengasaskan institusi keawtawanan, dan terserlah sebagai penerbit dan peneraju surat-khabar dan majalah di Singapura sejak awal 1930an.

GTF mesti mengingati perjalanan itu yang bermula dari Pulau Pinang. Sejarah Pulau Pinang akan ketandusan makna jika naratif masyarakat pengasas Melayu tidak dipersembahkan.

PROF. DATUK DR. A. MURAD MERICAN
berkhidmat di Jabatan Pengurusan dan Kemajuan, Universiti Teknologi Petronas, Seri Iskandar, Perak.